**Bahagian A** (50 markah)

Jawab **semua** soalan.

1. Istilah yang manakah yang benar tentang M. Ptolemy dalam Geographike Sintaxis

I maleu-kolon
II malaikurram
III Malaya dvipa
IV Mo-lo-yeu

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

2.

| | |
|---|---|
| Q | ● Terdapat pengaruh bahasa sanskrit<br>● Menggunakan huruf Palava<br>● Kandungan menyeru dewa agar melindungi kerajaan Srivijaya |

Batu bersurat yang diwakili oleh Q ialah batu bersurat di

I Kota Kapur
II Talang Tuwo
III Karang Brahi
IV Kedukan Bukit

A I dan II
B I dan III
C II dan III
D III dan IV

3. Penemuan batu bersurat yang manakah membuktikan penggunaan bahasa Melayu kuno?

I Batu Bersurat di Gandasuli
II Batu Bersurat di Kota Kapur
III Batu Bersurat di Minye Tujuh
IV Batu Bersurat di Pagar Ruyung

A I dan II
B I dan IV
C II dan II
D III dan IV

4.

> Hatta tujuh hari tujuh malam, siang sama malam serupa, tiada berhenti lagi sehingga kelam kabut kabur kuala, siang pun seperti malam, tiada bertentu lagi, dan tiada gununggunung dan di daratan pun habislah tinggal belaka, sehingga belayar juga penjejap emas lapis suasa seperti burung terbang lajunya.
>
> (Dipetik daripada Warisan Prosa Klasik (1983:61))

Ciri bahasa Melayu klasik yang manakah yang terdapat dalam petikan di atas?

I Penggunaan kosa kata bahasa Arab
II Penggunaan kata pangkal ayat
III Penggunaan ayat majmuk
IV Penggunaan ayat tunggal

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

5. Yang berikut ialah fungsi bahasa Melayu klasik, **kecuali**

A bahasa undang-undang
B bahasa lingua franca
C bahasa pentadbiran
D bahasa perpaduan

6. Yang manakah tujuan penubuhan Pejabat Karang Mengarang di Sultan Idris Training College (SITC)?

A Menerbitkan buku bahasa Melayu untuk kegunaan sekolah
B Mempertingkat martabat kesusasteraan dan kebudayaan Melayu
C Menyusun buku Jalan Bahasa Melayu atau tatabahasa bahasa Melayu
D Mengubah, mencipta, dan membina perkataan-perkataan baharu untuk memperkaya bahasa dan sastera

7. Berikut merupakan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67, **kecuali**

I bahasa kebangsaan digunakan bagi maksud rasmi
II memperkembang dan memperkaya bahasa kebangsaan
III memperkukuh kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
IV bahasa kebangsaan menjadi bahasa pengantar utama di institusi

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

8. Peryataan yang manakah yang berkaitan dengan perancangan taraf bahasa Melayu

A Menyediakan kamus dan buku tatabahasa
B Menyelaraskan sistem tulisan dan sistem ejaan
C Menghasilkan satu variasi bahasa yang seragam
D Menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi

9.

| | Jenis peminjaman |
|---|---|
| I | Peminjaman tulen |
| II | Peminjaman kacukan |
| III | Peminjaman pemerian |
| IV | Peminjaman kuno |

| | Contoh kata pinjaman |
|---|---|
| P | kapal terbang, peluru berpandu |
| Q | polis, geografi |
| R | kasut but, baju kot |
| S | dermaga, purnama |

Yang manakah padanan yang betul antara jenis peminjaman dan contoh kata pinjaman?

| | I | II | III | IV |
|---|---|---|---|---|
| A | P | Q | S | R |
| B | Q | R | P | S |
| C | P | S | Q | R |
| D | Q | R | S | P |

10. Yang manakah ayat yang mengandungi perkataan yang menggunakan imbuhan daripada bahasa Sanskrit?


I Mahasiswa seharusnya berfikiran postif dan terbuka.
II Amir merupakan seorang pelajar yang budiman di sekolahnya.
III Semangat nasionalisme mampu memelihara keharmonian negara,
IV Pengumpulan data komunikasi dilakukan secara automatik oleh komputer.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

11. Yang manakah pasangan kata yang suku katanya mengandungi deretan dua konsonan atau lebih?

A Klinik, saksi
B Grafik, relaks
C Nyaman, skarf
D Laknat, tembok

12.



Yang manakah perkataan yang mengandungi bunyi yang diwakili oleh X dan Y dalam gambar rajah di atas?

| | X | Y |
|---|---|---|
| A | Kekwa | Tompok |
| B | Lepas | Lumpuh |
| C | Cetek | Buah |
| D | Besar | Opah |

13.

- Bahagian epan lidah diturunkan serendah-rendahnya dan udara dari paru-paru dikeluarkan tanpa sekatan.
- Pita suara digetarkan dan bibir berada dalam keadaan hampar.

Bunyi yang dihasilkan dengan cara di atas ialah

A Vokal depan luas
B Vokal depan sempit
C Vokal depan separuh luas
D Vokal depan separuh sempit

14.

| | Konsonan Asli |
|---|---|
| I | Letupan gusi bersuara |
| II | Letupan lelangit keras tak bersuara |
| III | Geseran glotis bersuara |
| IV | Sengauan lelangit lembut |

| | Contoh Kata |
|---|---|
| P | Cogan |
| Q | Himpun |
| R | Nganga |
| S | Daftar |

Padanan yang manakah betul antara konsonan asli dengan contoh kata yang ejaannya oleh konsonan asli tersebut?

| | I | II | III | IV |
|---|---|---|---|---|
| A | R | P | S | Q |
| B | S | R | Q | P |
| C | P | Q | S | R |
| D | S | P | Q | R |

15.

| I | II |
|---|---|
| ● Depan lidah didekatkan pada gusi-lelangit keras bagi menyempitkan laluan udara.<br>● Lelangit lembut dinaikkan.<br>● Udara keluar melalui sempitan itu<br>● Pita suara tidak bergetar | ● Belakang lidah didekatkan ke lelangit lembut bagi menyempitkan laluan udara.<br>● Lelangit lembut dinaikkan<br>● Udara keluar melalui sempitan itu.<br>● Pita suara bergetar |

Apakah padanan bunyi yang sesuai bagi *I* dan *II*?

| | I | II |
|---|---|---|
| A | [y] | [š] |
| B | [z] | [x] |
| C | [š] | [y] |
| D | [x] | [z] |

16.

Peristiwa itu bermain-main di fikiran Imah. Raut wajahnya kesedihan. Mungkin masanya sudah sampai untuk dia bertaubat atas dosa-dosanya yang lalu.

Nyatakan bilangan diftong yang terdapat dalam petikan di atas?

A 1
B 2
C 3
D 4

17.

Keenakan masakan chef itu membuatkan orang ramai tidak putus-putus berkunjung ke restorannya.

Apakah proses yang berlaku semasa penghasilan bunyi perkataan yang bergaris di atas?

| | Keenakan | membuatkan |
|---|---|---|
| A | Palatalisasi | Nasalisasi |
| B | Labialisasi | Glotalisasi |
| C | Glotalisasi | Labialisasi |
| D | Nasalisasi | Palatalisasi |

18. Yang manakah perkataan yang mengandungi suku kata pinjaman yang strukturnya KKKV?

A Kompleks
B Transaksi
C Standard
D Strategik

19. Kumpula perkataan yang manakah kesemua ejaannya terdiri daripada pola keselarasan vokal e taling - a dalam bahasa Melayu?

A Mewah, petah, tembak
B Cerah, tempang, gelang
C Medan, deras, selempang
D Helah, kemas, cengkerang

20. Yang manakah ayat yang menggunakan tanda baca yang betul?

I Aduh! Kepala saya rasa nak pecah.
II Pernyataan itu terdapat dalam Fasal 4; Seksyen : 5 Undang-undang Kecil
III Pada hujung minggu yang lalu, dia dibebaskan daripada lokap dengan jaminan polis.
IV Majlis sambutan ulang tahun ke-50 bandar raya itu akan diadakan secara besar-besaran.

A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

**Bahagian B** (30 markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Sepanjang tempoh bekerja dari rumah (BDR) berikutan pandemik virus Covid-19, bukan sahaja golongan wanita malah lelaki juga berkeluh-kesah di media sosial mengenai berat badan yang semakin bertambah. Antara alasan kenaikan saiz badan ialah pergerakan di rumah yang terhad, mudah mendapat makanan kerana dapur hanya beberapa langkah sahaja daripada tempat bekerja, kurang aktiviti fizikal selain terikut-ikut dengan selera anak yang sentiasa hendak makan Keadaan itu menyebabkan beberapa pihak mula berasa bimbang dan tertekan kerunsingan berasas kerana peningkatan berat badan atau obes ialah permulaan kepada peningkatan risiko pelbagai penyakit kronik yang bukan sahaja memberikan masalah besar kepada golongan lelaki atau wanita, malahan negara akan menerima kesan kerana kerajaan perlu menampung kewangan yang sangat besar untuk menyediakan rawatan kepada rakyat.

Laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Februari 2020 jelas memperlihatkan betapa kritikalnya permasalahan ini. Obesiti telah mencapai peringkat epidemik secara global dengan sekurang-kurangnya 2.8 juta orang meninggal dunia setiap tahun kerana lebihan berat badan atau obes. Menurut Dr. Norliza yang juga pensyarah kanan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, perkara yang menakutkan ialah 15 permasalahan ini bukan sahaja menyerang orang dewasa bahkan kanak-kanak. "Ramai kanakkanak menghadap skrin seperti permainan komputer, tablet, dan televisyen melebihi dua jam sehari. Tempoh yang lama itu dikaitkan dengan masalah obesiti dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak juga kerap mengambil makanan segera semasa menonton televisyen atau semasa menghadap skrin komputer atau telefon bimbit mereka. Mereka juga makan tidak mengikut
20 masa. Tanpa sarapan pagi, kanak-kanak akan berasa terlalu lapar hingga menyebabkan mereka terlebih makan pada masa berikutnya. Kanak-kanak juga boleh menjadi obes apabila mereka kurang bersenam. Masalah ini amat membimbangkan kerana kanak-kanak yang obes mempunyai risiko tinggi untuk mendapat penyakit tidak berjangkit (NCD) seperti diabetes mellitus dan tekanan darah tinggi pada usia muda, selain berkemungkinan menjadi orang dewasa obes. 25 Keadaan ini seterusnya mendedahkan mereka kepada masalah kesihatan kronik lebih awal yang boleh menjejaskan produktiviti mereka," katanya.

Sememangnya, begitu banyak komplikasi kesihatan buat mereka yang obes apatah lagi jika disahkan positif Covid-19 dan mempunyai rekod NCD. Kumpulan ini berdepan risiko komplikasi kesihatan lebih dahsyat malah turut berisiko membawa maut sekiranya tidak 30 mendapat rawatan secepat mungkin. Seperti kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Seri Dr. Noor Hisham Abdullah, lebih 80 peratus daripada jumlah kes kematian bagi kes Covid-19 adalah dalam kalangan mereka yang ada NCD. Sekiranya risiko obes begitu menggerunkan, mengapakah kita masih lagi belum sedar diri?

(Disesuaikan daripada Trend Obesiti di Malaysia Menggerunkan
Oleh Sakini Mohd Said, Berita Harian Online, 22 Jun 2020)

21. Berdasarka petikan tersebut, berikan maksud frasa yang berikut:
    (a) ...berkeluh-kesah di media sosial... [1]
    (b) Kerunsingan ini berasas.. [1]
22. Berikan sebab berlakunya peningkatan berat badan sepanjang tempoh masyarakat bekerja dari rumah (BDR) berikutan pandemik virus COVID-19. [4]
23. Jelaskan bagaimanakah kanak-kanak boleh menjadi obes? [4]
24. Sekiranya risiko obes begitu menggerunkan, mengapakah kita masih lagi belum sedar diri?

    Apakah kesedaran yang perlu ada dalam diri masyarakat untuk mengelakkan obesiti?!
    Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. [20]

**Bahagian C** [50 markah]

Tulis **sebuah** karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.

25. Pembelajaran dalam talian (online learning) semakin diberi keutamaan sejak akhir-akhir ini. Jelaskan kebaikan pembelajaran tersebut.

26. Kes kekejaman dan penganiayaan terhadap haiwan kian menjadi-jadi di negara kita. Pada pendapat anda apakah faktor-faktor berlakunya masalah ini? Bincangkan kesan yang timbul daripadanya.

27. Kini, ramai pelajar sekolah dan pelajar institusi pengajian tinggi melakukan kerja sambilan di luar waktu pembelajaran. Jelaskan faktor yang mendorong para pelajar bekerja secara sambilan dan huraikan kesan negatif perbuatan berkenaan kepada mereka.

# Suka sampel ini?

## Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

# RM12.90

**BELI SEKARANG >**

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta